

**Kursi Kepimpinan Wanita Memartabatkan Wanita - Shahrizat  
Bernama  
30 Mac, 2012**

PUTRAJAYA, 30 Mac (Bernama) -- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat mewujudkan Kursi Kepimpinan Wanita di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk menjalankan penyelidikan berkaitan kepimpinan wanita di peringkat nasional dan antarabangsa.

Menteri Pembangunan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Shahrizat Abdul Jalil berkata kursi berkenaan akan memberi input dasar kepada kerajaan berhubung kepimpinan wanita.

Selain itu, beliau berkata kursi ini akan menjalankan latihan kepimpinan kepada golongan wanita dan menjalankan aktiviti advokasi bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman masyarakat berhubung isu-isu wanita masa kini dan masa hadapan.

"Kursi Kepimpinan Wanita yang julung-julung kali diwujudkan ini merupakan satu lagi mercu tanda dalam perjuangan kita memartabatkan wanita di negara ini.

"Penubuhan kursi ini merupakan satu bentuk pelaburan bertepatan dengan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan penglibatan golongan wanita yang berkaliber, intelektual dan mempunyai daya kepimpinan ke arah menjayakan agenda pembangunan modal insan negara," katanya pada majlis pelancaran Kursi Kepimpinan Wanita di sini Jumaat.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source:<http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=656040>